

Peristiwa Berdarah Merebut Kekuasaan di Yaman

Suatu pemberontakan telah timbul di Yaman baharu-baharu ini. Pemberontakan diketuai oleh Abdullah Sallal untuk meruntuhkan pemerintah beraja, imam (raja) Yaman, Muhammad al-Badr. Perjuangan ini bukannya sahaja lagi di antara kedua-dua golongan di Yaman, tetapi perjuangan telah pun dicampuri oleh negeri-negeri Arab yang lain, Mesir di sebelah pemberontak, kerajaan Saudi dan Jordan di pihak imam.

(Oleh: Pengulas kita)

Di dalam setahun dua ini, pertentangan hebat

di antara Saudi dan Jordan, serta Syria di satu pihak sebagai golongan-golongan beraja dengan Mesir sebagai golongan *Socialist* sudah menjadi sangat hebatnya.

Akhbar-akhbar Mesir mendatangkan tuduhan-tuduhan yang hebat kepada pihak yang lain sebagai penghisap darah sedang pihak itu pula menuduh bahawa perbuatan-perbuatan *Socialist* yang dianut oleh Mesir itu sebagai kerajaan mulhid, melanggar hukum Tuhan iaitu apabila kerajaan Mesir merampas hak milik atas harta kepunyaan hartawan dijadikan harta bersama sebagaimana yang dikehendaki atas perjalanan *Socialist* dan *Communist*.

Dengan keadaan ini, apabila sahaja timbul dua pertentangan di antara dua golongan, beraja dan "rakyat" itu maka dengan sendirinya kedua-dua pihak pun menceburkan diri bersama-sama di dalam memberi bantuan di dalam peristiwa itu bukannya sahaja dengan mata benda tetapi dengan alat-alat senjata dan orang sehingga pertempuran yang hebat berlaku.

Pada permulaan pertempuran Imam Muhammad al-Badr dikatakan telah tewas terbunuh, tetapi kemudiannya didapati ia masih hidup. Dalam masa ia menjadi putera mahkota Yaman (tahun 1959) baginda adalah penyokong yang kuat ke atas dasar Gamal Abdel Nasser dari Mesir. Ini terjadi dalam masa imam Ahmad Nasir li-Dinullah berubab di Itali.



Abdullah Sallal ketua pemberontak Yaman.


Dalam masa ketiadaan Imam Ahmad inilah, ia mengadakan jemaah perwakilan tujuh orang dan mengadakan pembersihan di dalam tentera dan mengisytiharkan bahawa Yaman “memasuki zaman moden”. Dalam masa itu juga Yaman telah bersatu di dalam negara Persatuan Arab Bersatu.

Langkah yang dibuat oleh Imam al-Badr ini (masa ia menjadi Putera Mahkota) di luar pengetahuan Imam Ahmad. Apabila Imam Ahmad balik pada bulan Ogos 1959, baginda mengambil langkah membalikkan semula keadaan seperti sedia kala dan memansuhkan “Perikatan Yaman” dengan Mesir. Dalam masa ini juga banyak orang telah dihukum pancung. Golongan-golongan ini melawan kerajaan pun lari keluar negeri.

Di antara tahun 1920 dengan 1928 Imam Yahya telah membuat tuntutan ke daerah-daerah Aden, bertujuan untuk meletakkannya di bawah kerajaan Yaman berdasarkan sejarahnya. Tuntutan dan pengakuan ini sampai sekarang masih hidup di dalam cita-cita kerajaan Yaman sehingga mereka memandang bahawa Hadramawt itu adalah daerah Yaman. Tindakan ini dibantah keras oleh golongan-golongan kebangsaan Arab Hadramawt yang sedang menuntut kemerdekaannya yang berpusat di Mesir. Salah seorang daripada pemimpin-pemimpin Arab Hadramawt ini ialah as-Sayyid Ahmad bin Umar Bafaqih pengarang surat *al-Arab* di Singapura dahulu. Beliau bekerja keras menuntut daerah Hadramawt menjadi negara merdeka dari jajahan Inggeris.

Tuntutan ini dibuat pula dengan serangan-serangan Yaman ke atas Dhala. Kejadian ini menyebabkan serangan pemboman angkatan udara British tahun 1934. Di dalam suatu perjanjian di antara Yaman dan British, akhirnya, Yaman bersetuju berundur ke sempadan yang ditentukan dahulu.

Itali adalah mengambil bahagian yang besar di dalam pembinaan Yaman dengan memberikan bantuan teknik dan tenaga. Pada tahun 1937 telah dibuat persahabatan di antara Itali



Bangunan inilah mulanya menjadi ibu pejabat pemberontak

Yaman yang diketuai oleh Abdullah Sullal.

* * *

dengan Yaman selama 25 tahun dengan kerana perjanjian itulah Yaman mengakui penjajahan Itali ke atas Habsyah.

Sesudah Perang Dunia Yang Kedua.

Dalam masa Perang Dunia Kedua, Yaman berkecuali. Ia banyak menjual barang hasil bumi di timur tengah kepada pihak-pihak yang berperang.

Yaman telah menjadi anggota Arab Liga yang ditubuhkan pada 22 Mac 1945 dan menjadi anggota Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1947.

Pada February 1948 Imam Yahya Hamid ed-Din (raja Yaman) bersama-sama dengan tiga orang puteranya, telah

dibunuh di dalam perebutan kuasa yang dilakukan oleh Abdullah al-Wazīr, iaitu seorang ketua keluarga yang utama di Yaman.

Abdullah al-Wazīr mengisytiharkan dirinya sebagai Imam Yaman, tetapi ia tidak dapat mempertahankan dirinya. Ia dapat dijatuhkan oleh tentera-tentera yang setia kepada kerajaan. Sesudah kejatuhannya ini, Saiful Islam Ahmad putera tua Imam Yahya dilantik menjadi imam dengan nama Imam Nasir li-Dinullah. Sesudah wafatnya Imam Ahmad, mangkat pada 18 September 1962 dan puteranya al-Badr menggantikannya menjadi Imam dengan nama al-Imam

* * *



al-Imam al-Mansur Billah Muhammad al-Badr, raja Yaman.

al-Mansur Billah Muhammad al-Badr. Imam al-Badr inilah yang memerintah hingga sekarang ini.

Di dalam masa menulis ini kerajaan Amerika dan Australia, telah pun mengakui kerajaan pemberontak Yaman. Kerajaan British mungkin juga akan mengikuti kemudiannya. Perwakilan pemberontak diiktiraf sebagai mewakili negeri Yaman di majlis Bangsa-bangsa Bersatu.

Sejarahnya.

Negeri Yaman terletak di barat daya (di penjuru) tanah Arab. Di utaranya terletak tanah Hijaz, di sebelah timurnya dengan padang-padang pasir yang luas, di barat lautnya lautan merah dan di selatannya terletak Aden. Luasnya kurang lebih 74,000 batu persegi dengan berpenduduk sebanyak 4,500,000 orang.

Ibu negerinya bernama Şan'a berpenduduk sebanyak 50,000 orang. Bandar pelabuhan perniagaannya ialah Hudaydah (berpenduduk sebanyak 80,000) sedang bandar Mokha (Mokha) di selatan adalah bandar tua yang mengeluarkan sebaik-baik kopi dari Yaman yang dihantarkan keluar negeri.

Nisbah kepada perhubungan di dalam negeri, jalan-jalan perhubungan di sana masih banyak menggunakan kuda dan unta. Jalan motokar tidak berapa banyak. Pada tahun 1960 jurutera-jurutera dari kerajaan Republik China telah membantu Yaman dengan membuatkan jalan di antara Hudaydah dengan Şan'a. Kerajaan Yaman bersetuju atas bantuan jurutera Amerika membuat jalan antara Ta'iz dengan Mokha. Pelabuhan Hudaydah pula adalah diperbaiki oleh jurutera Soviet. sebagai bantuan Soviet kepada Yaman. Pada tahun 1946 kerajaan Amerika memberi pinjaman sebanyak 200,000 paun kerana membeli kelebihan-kelebihan bekalannya di timur jauh

Zaman Dahulu.

Yaman adalah sebuah kerajaan tua. Di dalam tanah inilah dikatakan timbulnya kaum 'Ad dan Thamūd yang terkenal



Abdullah Sallal (kiri) sedang berada di pejabat besarnya bersama dengan pembantunya sedang memeriksa telegram-telegram penyokongnya.

di dalam riwayat al-Qur’ān. Demikian juga di tanah Yaman ini terletak negeri Saba’ yang diperintah oleh Permaisuri Puteri Balqis dalam masa Nabī Sulaiman *‘alayhi al-salām*.

Yaman juga pernah ditakluk oleh orang-orang Habsyi dari Afrika yang kemudiannya telah membuat suatu tempat sebagai melawan “Ka’bah” tetapi tidak berjaya untuk menarik orang-orang Arab ke sana. Akhirnya ia menyerang Makkah dengan sesuatu angkatan yang besar dengan menggunakan unta yang terkenal di dalam al-Qur’ān dengan *aṣḥāb al-Fīl*.

Kerajaan ini dapat ditewaskan oleh pahlawan-pahlawan Yaman sehingga balikkah semula mereka diperintah oleh bangsa mereka sendiri.

Zaman Islam.

Dalam zaman permulaan Islam, banyak kabilah-kabilah dari Yaman yang telah tampil berjihad menentang musuh Islam.

Banyak di antaranya yang telah berpindah ke Afrika Utara dan ke semenanjung Sepanyol.

Musa ibn Nusayr ialah seorang Arab dari Yaman kabilah Lakham. Demikian juga raja-raja Islam dari “Banī ‘Ibad” dan “Banī Hud” yang telah memegang kuasa di semenanjung Sepanyol ialah daripada suku-suku Yaman. Begitu juga “Banī Yāfi” yang telah mengambil bahagian dalam membuka negeri Mesir - dalam permulaan Islam dahulu – berasal negeri daripada Arab Yaman.

Raja-raja yang pernah memerintah *dāl Hīrah* (dalam negeri Iraq), dan raja-raja “Banī Ghassan” yang memerintah di negeri sama, berasal dari Arab Yaman juga.

(Kaum Aus dan Khazraj – penduduk Madinah, yang telah memberi sepenuh sokongan kepada junjungan kita nabī *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*, sehingga mereka terkenal

dengan kaum Anṣār (pembela-pembela Islam) ialah berasal daripada Arab Yaman juga.

(Di dalam hadith – riwayat Bukhari dan Muslim –

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam* bersabda:

“al- ‘imānu yamānī wal hikmatu yamāniyah”

Ertinya: Iman itu mendalam dalam kalangan orang-orang

Arab Yaman dan ilmu itu lebih berkembang dalam kalangan orang-orang

Arab Yaman”).

(Dalam zaman Nabi, banyak sahabat-sahabat Nabi dari

kalangan kaum Anṣār – yang berasal dari Arab Yaman –

yang luas ilmu mereka terutama dalam ilmu Qur’an dan

hadis. Di antara sahabat-sahabat Nabi yang berasal dari

suku Arab Yaman ialah Abu Hurairah dan Abu Musa al-Ashaari).

Zaman Turki.

Di dalam masa khalifah-khalifah daulah Uthmaniyyah, Yaman telah

dijajah oleh orang-orang Turki. Tetapi dalam masa Perang Dunia

Yang Kedua orang Yaman bangkit menentang Turki dengan diketuai

oleh Imam Yahya. Pada tahun 1918 Imam Yahya telah

mengisytiharkan kemerdekaan Yaman. Imam Yahya ialah

orang-orang Shi’ah dari golongan Zaydī. Kemudian tidak lama

antaranya Imam Yahya meluaskan daerahnya dengan menduduki

Tuhamah di pantai sebelah selatan Hudaydah dan beberapa daerah

sambungannya pada muka 43



Bandar Ṣan’ā ibu negeri Yaman. Penduduk bandar ini sebanyak 60,000 orang.



Orang-orang terkemuka Nigeria sedang berhimpun dalam suatu perayaan Mawlid al-Nabawī sharīf.

* * *

-Peristiwa Berdarah di Yaman-

(sambungan dari muka 16)

lainnya yang di duduki oleh orang-orang yang berfaham Sunni (mazhab al-Imam al-Shāfi`ī)

Di dalam pertempuran dengan kerajaan Saudi pada tahun 1934 Yaman terpaksa menyerahkan daerah 'Asir kepada kerajaan Saudi.

Penduduknya

Kebanyakan kehidupan orang-orang Yaman ini ialah bercucuk tanam dan berniaga. Penduduk dapatlah dibahagikan kepada empat golongan: (1) dari golongan Sayyid atau israf, terdiri dari ahli-ahli agama, (2) qabāil, penduduk-penduduk gunung yang berasal dari keturunan Bani Qahtān, dari keturunan-keturunan selatan benua Arab - menjadi golongan yang terbaik, (3) golongan-golongan ahli pemiagaan, dan (4) golongan campuran yang terbanyak datangnya dari

Afrika. Pada tahun 1949 sebanyak 50,000 orang

Yahudi telah dipindahkan ke Israel.

Kerana ekonominya tidak teratur dengan sempurna maka orang-orang Yaman ini banyak yang mengembara dan suka berhijrah keluar dari daerahnya. Bukannya sahaja mereka ke luar ke daerah di dalam tanah Arab seperti ke Hijaz, dan ke seberang, ke Afrika dan Somal. Tetapi mereka juga - gemar menjadi orang pelaut - yang belayar sampai ke Eropah dan Amerika sebab itu banyak kita dapati keturunan mereka ada di sana.

Kejadian ini berlaku disebabkan kerana negeri yang kaya itu tidak terbuka. Di dalam masa Imam Yahya, sangat keras menentang pemasukan usaha-usaha Barat untuk membuka negerinya.

Di bandar-bandar pelabuhan yang berhampiran dengan Yaman, seperti Jedah, Somal, Aden dan lainnya orang-orang Yaman adalah pekerja-pekerja yang lasak dan tahan menderita.